



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

24 MEI 2024 (JUMAAT)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	3	24 Mei

Pihak berkuasa serbu stor simpanan barang di Sabah

Simpan ayam campur daging babi

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Sebanyak 847 kotak ayam sejuk beku bernilai RM121,968 yang disimpan bersama daging babi dirampas dalam serbuan ke atas sebuah stor penyimpanan barangan di Jalan Burung Keleto, Inanam di sini pada Selasa lalu.

Pemeriksaan awal mendapati kesemua kotak mengandungi ayam tersebut mempunyai logo halal, namun di dalam disimpan di dalam sebuah kontena bersama bekalan daging babi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah, Georgie Abas berkata, serbuan itu dilakukan sepasukan anggota Pasukan Gerakan Am dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah.

Katanya, kes itu kemudian diserahkan kepada KPDN untuk tindakan selanjutnya.

"Jumlah keseluruhan ramasan barangan basah itu termasuk kontena sejuk beku dianggarkan bernilai RM151,968.

"Seorang lelaki tempatan yang juga pemilik premis tersebut turut diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Daging babi pula dirampas oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk tindakan lanjut," katanya



ANGGOTA penguat kuasa melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena sejuk beku yang menyimpan ayam (dalam bulatan) dan daging babi di Kota Kinabalu pada Selasa lalu.


dalam kenyataan semalam. Menurut Georgie, kes disiasat mengikut Perintah 3(i) (g) Perintah Perihal Daging (Takrif Halal) 2011 iaitu kesalahan menyimpan barangan halal dan barangan tidak halal yang diletakkan berdekatan dalam ruang simpanan yang sama.

Beliau memberitahu, jika didapati bersalah, pertubuhan perbadanan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5

juta dan tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan kedua di bawah Perintah Perihal Daging (Takrif Halal) 2011.

"Bagi orang persorangan pula, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau diukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," kata beliau.



LOGO halal yang tertera pada kotak berisi ayam sejuk beku yang disimpan bersama produk tidak halal laitu daging babi.



TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR